

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA PERASMIAN JAMBATAN SUNGAI GOLOK, KELANTAN PADA 21HB MEI, 1973

Y.B. Datuk Abdul Ghani Gilong,¹ Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Hari ini kita bersama-sama menyaksikan satu peristiwa yang penting serta bersejarah dalam bidang hubungan kerjasama serantau dan persahabatan iaitu perasmian Jambatan Sungai Golok.

Jambatan yang baru siap ini boleh disifatkan sebagai hasil kerjasama dan buah persahabatan antara negara kita dengan jiran tetangga serta sahabat yang karib, iaitu Thailand. Saya sungguh gembira dan berbesar hati kerana diberi penghormatan melakukan upacara perasmian jambatan persahabatan ini bagi pihak Malaysia sementara upacara di pihak Thai dilakukan oleh Perdana Menteri-nya, Tuan Yang Terutama Tun Thanom Kittikachorn. Saya harap dengan memberi nama Jambatan Persahabatan, hubungan mesra dan muhibbah itu akan kekal serta diteruskan oleh jenerasi-jenerasi masa hadapan.

Berhubung dengan peristiwa ini juga, negara kita mendapat penghormatan yang besar oleh kerana T.Y.T. Tun Thanom Kittikachorn beserta isterinya telah sudi melakukan lawatan secara tidak rasmi ke Kota Bharu. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, sukalah saya mengambil peluang ini menyatakan perasaan terimakasih yang sedalam-dalamnya dan penghargaan yang ikhlas atas lawatan T.Y.T. Tun Thanom bersama-sama dengan rombongannya itu.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang dikatakan oleh Datuk Ghani tadi, projek jambatan ini dirancang di bawah riayah ASEAN dan merupakan projek yang julung-julung kali dijayakan dalam bidang kerjasama antara kedua negara kita selain dari bidang keselamatan. Sesungguhnya kerana itu jambatan ini mempunyai significance atau makna yang

¹ Y.B. Menteri Kerjaya dan Tenaga.

tidak ternilai kepada rakyat kedua-dua negara Thai dan Malaysia baik dari segi hubungan physical dalam hubungan persahabatan dan persaudaraan yang telah bermula dan berkekalan sejak zaman berzaman.

Seperti yang kita sedia maklum, selama ini kemudahan perhubungan antara Thai dan Malaysia hanya terhad kepada sebatang jambatan keretapi yang ada itu, selain dari perahu-perahu kecil yang berulang alik antara Golok dan Rantau Panjang. Perkembangan perniagaan dan pelancungan yang semakin meningkat dari kedua-dua jurusan memerlukan kemudahan yang lebih baik dan moden kerana perjalanan dengan keretapi terpaksa mengikut waktu-waktu yang ditetapkan. Begitu juga kemudahan perkhidmatan yang berkaitan seperti Kastam dan Imigresyen menghendaki perubahan yang sewajarnya untuk menggantikan Pejabat Kastam dan Imigresyen yang sudah usang itu. Jadi, pembinaan jambatan baru ini juga dijalankan serentak dengan pembinaan kompleks stesyen keretapi, Pejabat Kastam dan Imigresyen yang memberikan wajah baru kepada pekan Rantau Panjang ini.

Dipandang dari aspek yang lebih luas, jambatan persahabatan ini menyempurnakan rangkaian Lebuh raya Asia II pada sebelah pantai timur Semenanjung yang menghubungkan negara-negara Asia Barat melalui Thailand dan Malaysia hingga ke Singapura. Lebuh raya ini akan mempunyai taraf dan mutu yang lebih tinggi manakala dua rangkaian jalan raya baru iaitu Jerangau/Jabor dan Kuantan/Segamat siap tidak berapa lama kelak. Pendek kata, Asian Highway sebelah pantai timur tidak akan kurang menarik dari Highway di pantai barat.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menambah kepada kata-kata penghargaan yang diberikan oleh Datuk Ghani Gilong tadi, terutama kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Thai yang telah memberikan kerjasama penuh pada semua peringkat perancangan jambatan ini. Begitu juga, saya ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Malaysia sendiri, khasnya kepada Ketua Pengarah Kerjaraya serta pegawai-pegawai kanannya yang telah bersama-sama menyertai dalam perancangan projek ini dari mula-mulanya lagi. Tidak ketinggalan juga kita menghargai khidmat syarikat pemborong yang telah berjaya memenangi kontrak ini serta menjalankan kerja-kerja pembinaannya hingga siap dalam tempoh yang ditentukan.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Menyebut tentang perkembangan yang akan berlaku di Negeri Kelantan ini khasnya, tidak syak lagi rangkaian lebuhraya dan jalanraya yang sedang atau akan dibina khasnya jalanraya daripada Pantai Barat ke Pantai Timur membawa harapan masa depan yang sungguh cerah kepada rakyat semua. Tambahan pula, dengan adanya rancangan-rancangan perindustrian baik dalam bidang pertanian seperti tebu mahupun di bidang pembuatan atau manufacturing serta rancangan kompleks kayukayan dan pusat-pusat pertumbuhan baru seperti di Jeli, kita akan melihat perkembangan ekonomi yang lebih pesat berlaku di sini. Peluang-peluang pekerjaan baru akan terbuka dengan lebih banyak dan akan memberi taraf hidup yang lebih tinggi kepada rakyat Kelantan.

Jadi, tegasnya, Jambatan Persahabatan yang terentang di depan kita ini bukanlah setakat menghubungkan dua tebing Sungai Golok, bahkan mempunyai makna yang besar kepada kehidupan rakyat dua negara yang berjiran. Dengan adanya jambatan ini juga, kemakmuran di satu pihak akan sama-sama dinikmati oleh pihak yang lain dan saya percaya pekan Rantau Panjang ini akan bertambah besar dan berkembang maju pada masa hadapan.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Saya sukalah menyentuh sedikit mengenai tali persahabatan yang sentiasa erat dan mesra antara negara kita dan Thailand. Kedua-dua negara kita beserta Indonesia, Singapura dan Filipina terdapat dalam kumpulan negara ASEAN dan menerusi ASEAN terdapat rangka kerjasama yang luas dengan anggota-anggota dalam bentuk bilateral dan juga multi-lateral. Beberapa rancangan bilateral sedang berjalan lancar dan yang terpenting sekali ialah bilateral co-operation di bidang keselamatan melalui Regional Border Committee yang dipengerusikan bersama.

Tidak berapa hari lagi, satu mesyuarat Regional Border Committee akan berlangsung di Kuala Lumpur untuk mengkaji kegiatan bersama di kawasan sempadan menentang pengganas kominis. Saya suka menyatakan bahawa dengan adanya kerjasama yang erat dan teguh itu, pasukan keselamatan telah berjaya membinasakan anasir-anasir jahat itu, menawan khemah dan senjata mereka. Adalah menjadi harapan kita semua semoga keamanan dan keselamatan yang kekal dapat dipulihkan dalam tempuh yang singkat ini.

Bagaimanapun, tugas dan bebanan yang berat itu tidaklah patut dipikul oleh Kerajaan semata-mata bahkan adalah menjadi tanggungjawab bersama kepada orang ramai. Oleh itu saya berseru kepada rakyat di Kelantan, khasnya mereka yang diam di kampung-kampung dalam kawasan sempadan supaya memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan dalam usaha memulihkan keamanan. Kita semua tahu bahawa anasir-anasir komunis tidak akan dapat berada di Wilayah ini tanpa mendapat bantuan dan sokongan dari penduduk tempatan. Oleh itu, kalau rakyat inginkan kemajuan pembangunan maka mustahaklah mereka memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan pada setiap masa.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya ingin menyatakan terima kasih kepada Jawatan-kuasa yang telah menyelenggarakan persiapan upacara yang meriah dan gemilang pagi ini.

Dengan nama Allah, saya rasmikan pembukaan Jambatan Persahabatan Sg. Golok ini.